

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PELANCARAN KHEMAHKERJA KEJIRANAN

TEMPAT: HUTAN LIPUR KANCHING, TAMAN TEMPLER

TARIKH: 08 DEC 1987

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera;

Yang Berhormat Encik Kasitah Gaddam,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar
serta Yang Berhormat Menteri-Menteri;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana di atas limpah kurniaNya, dapat kita berhimpun pada pagi ini. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara, kerana menjemput saya pada pagi ini, dan seterusnya untuk merasmikan upacara Pelancaran Khemahkerja Kejiranan. Saya difahamkan bahawa Khemahkerja Kejiranan ini mempunyai cirinya tersendiri. Ia dijalankan bukan semata-mata untuk memenuhi masa lapang cuti sekolah, bahkan bertujuan untuk membolehkan generasi muda menghayati akan unsur-unsur perpaduan, melalui aktiviti yang disusun khusus bagi melahirkan peluang berinteraksi, berkomunikasi dan bekerjasama di tahap yang maksima, antara peserta berbagai kaum.

2. Selain daripada itu, di dalam pengelolaan Khemahkerja ini terdapat penyertaan sektor swasta secara langsung, bukan setakat menyumbangkan peralatan Khemahkerja, bahkan juga dalam menyampaikan ceramah kepada peserta-peserta sekalian. Saya merasa amat gembira di atas daya-usaha ini, iaitu menggemblingkan pihak swasta dengan agensi-agensi Kerajaan, dalam satu usahasama seperti Khemahkerja ini. Kepada pihak swasta yang belum lagi menyumbangkan ke arah ini, saya berharap mereka akan bermurah hati berbuat demikian, bukan sahaja untuk Khemahkerja, tetapi juga bagi lain-lain aktiviti penggalakkan perpaduan rakyat. Ini juga dapat memenuhi konsep bahawa usaha untuk memupuk perpaduan nasional adalah tanggungjawab bersama. Sekiranya banyak lagi firma yang tampil ke hadapan untuk membantu Kerajaan dalam aspek perpaduan negara, maka banyaklah lagi program penggalakkan, seperti Khemahkerja ini dapat dilaksanakan, baik di peringkat negeri mahupun daerah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Perpaduan antara kaum yang menjadi warganegara negara

ini amatlah penting kerana kita tidak boleh mengelak daripada realiti kehidupan kita di negara kita Malaysia yang kita cintai ini. Realiti yang dimaksudkan ialah penduduk dan rakyat negara ini terdiri daripada berbagai kaum. Jika kaum-kaum di negara ini tidak bersefahaman dan berhubung rapat, maka masa kita akan dihabiskan dengan bersengketa sesama sendiri, semasa dunia luar berkembang maju dan mara jauh ke hadapan kita. Sebaliknya, jika kita menerima hakikat bahawa penduduk di negara ini terdiri daripada berbagai kaum dan kita menyusun langkah untuk menyatukan segala kekuatan yang terdapat pada setiap kaum, dan kita gabungkan kekuatan ini, tidak dapat tidak kejayaan kita boleh meningkat dengan lebih pesat.

4. Untuk ini, langkah yang pertama ialah kita mengenali kaum-kaum yang ada dalam negara kita. Ini bukan sahaja bermakna berdamping rapat dan berkawan, tetapi mengetahui adat resam dan pantang-larang masing-masing. Setelah kita mengenali perkara-perkara ini dan mengetahui sensitiviti masing-masing hendaklah kita secara sedar mengelak daripada membuat atau memperkatakan sesuatu yang boleh menyinggung perasaan rakan kita yang berlainan keturunan dan agama.

5. Kita tahu bahawa sesuatu kaum itu bukan sahaja mempunyai kekuatan tetapi juga kelemahannya. Semua kaum perlu menolong kaum lain mengatasi kelemahannya. Ada kaum yang tidak begitu menitikberatkan adat resam dan mereka perlu dibimbing oleh mereka yang menitikberatkan adat resam. Sebaliknya ada kaum yang lemah dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan mereka juga perlu dibimbing oleh kaum yang lebih berjaya dalam bidang ini.

6. Segala-gala yang dilakukan hendaklah dilakukan dengan ikhlas dan jujur. Melepas batuk di tangga bukanlah caranya. Perkongsian hendaklah dibuat dengan semua pihak bersama-sama menanggung beban kerja. Perbuatan 'window dressing', atau menjadikan usaha ke arah perimbangan kaum sebagai hiasan sahaja hendaklah dihapuskan sama sekali.

7. Perbuatan seperti mengadakan perniagaan Ali-Baba yang mana Ali tidur, Baba bekerja, tidak akan menolong mengeratkan perhubungan kaum. Di sini kita harus persalahkan bukan Baba tetapi rakannya Ali. Selagi ada amalan ini Ali tidak akan dapat meningkatkan kecekapannya dan ia akan bergantung selama-lamanya kepada Baba. Perseimbangan tidak akan tercapai antara kaum dan dengan itu akan kekal perasaan curiga antara satu kaum dengan kaum yang lain. Sudah tentu perpaduan tidak mungkin wujud. Sebaliknya jika Ali terpaksa menanggung beban bersama dengan Baba, maka lama kelamaan Ali akan menjadi sama cekap dengan Baba dan perasaan syak wasangka akan hapus. Oleh itu kedua-dua pihak hendaklah mengadakan kerjasama yang ikhlas untuk mempercepatkan persefahaman antara kaum.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Bila kita memperkatakan mengenai perpaduan nasional,

kita dapati bahawa ramai rakyat yang belum memahami akan unsur-unsurnya. Ini menimbulkan berbagai-bagai persepsi terhadap konsepnya, yang dibuat oleh golongan rakyat yang berbeza-beza, melalui perspektif masing-masing. Perkara ini perlu diperbetulkan dan saya berbangga bahawa Jabatan Perpaduan Negara sedang berusaha menguruskan perkara ini.

9. Arus pembangunan bangsa berkembang dan bergerak di atas landasan-landasan tertentu. Dalam hal ini, bagi kita, landasan pertama ialah penghayatan akan latarbelakang sejarah negara ini semenjak zaman dahulu kala. Sebelum kedatangan penjajah, negara ini telah pun mempunyai ketamadunan dan peradabannya sendiri, melalui satu bentuk pentadbiran yang tersusun. Apabila orang-orang dari negara luar datang bermastautin di negara ini, mereka mendapati perlu untuk menyesuaikan diri serta cara hidup mereka kepada suasana dan masyarakat yang telah pun wujud di negara ini.

10. Landasan kedua ialah pengiktirafan pihak penjajah ke atas ketamadunan dan peradaban itu. Oleh kerana pengiktirafan ini, maka mereka telah menghormati akan adat resam, pantang larang, agama, institusi beraja dan rakyat negara ini, sehinggalah faktor-faktor tersebut dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan, yang telah digubalkan dengan bantuan nasihat pihak penjajah juga.

11. Landasan ketiga ialah apa yang saya anggap sebagai amat penting sekali, iaitu muafakat antara kaum menjelang Kemerdekaan negara ini. Di dalam muafakat itu beberapa perkara yang menyentuh faktor-faktor seperti yang disebut sebagai landasan yang kedua tadi, telah dibincang dan dipersetujui melalui semangat tolak-ansur, hormat-menghormati antara pemimpin-pemimpin negara dari semua kaum pada masa itu.

12. Landasan keempat ialah penguasaan dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini tanpa menyekat penggunaan bahasa-bahasa lain. Berdasarkan kepada empat landasan itulah maka kita telah 'committed' kepada pencapaian matlamat utama, iaitu pembangunan bangsa yang merdeka, di negara yang aman, makmur dan stabil, melalui perpaduan nasional. Dari itu adalah menjadi kewajipan kita semua untuk menonjolkan nilai-nilai asas perpaduan melalui proses pemyarakatan dan pembudayaan. Penghayatan nilai-nilai asas atau core values akan membawa pula kepada penerapan nilai-nilai bersama atau 'shared values'. Seterusnya perpaduan mencakupi pelbagai aspek integrasi, termasuk integrasi kawasan, wilayah, sosial, budaya, bahasa dan ekonomi.

13. Dengan itu, melalui Khemahkerja seperti ini, saya berharap perkara-perkara yang telah saya nyatakan sebentar tadi, dapat dimaklumkan kepada peserta-peserta sekalian yang terdiri daripada generasi baru. Ini ialah supaya ianya betul-betul dapat dihayati oleh mereka, yang kemudiannya akan menyebarkan kepada kawan-kawan mereka yang lain.

14. Apabila generasi muda ini kelak meningkat dewasa, perlulah pula mereka menerangkan hal-hal yang demikian kepada anak-anak mereka nanti. Pernah dinyatakan bahawa kanak-kanak dilahirkan tanpa prejudis. Oleh itu saya berharap kanak-kanak akan terus dipupuk dengan aspek-aspek positif yang boleh mengukuhkan perpaduan, supaya mereka terus hidup tanpa prejudis dari kecil sehingga dewasa. Aspek ini hendaklah dijadikan kesinambungan warisan, dari satu generasi ke generasi yang lain, kalau kita mahu negara ini terus aman, makmur dan sejahtera.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini. Dengan berdoa ke hadrat Ilahi, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Khemahkerja Kejiranan ini.